



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/3/2011

Kami juga perlu baca untuk tahu isi kandungan - Mukhriz

KUALA LUMPUR 9 Mac - Meskipun mengakui beliau merupakan antara individu bertanggungjawab mendedak Tun Dr. Mahathir Mohamad menerbitkan buku memoirnya secepat mungkin, namun Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir mendakwa beliau tidak sedikit pun mengetahui apa yang terkandung dalam buku yang baru dilancarkan semalam itu.

Menurutnya, sepanjang tempoh buku itu ditulis, Dr. Mahathir tidak pernah mendedahkan isi kandungannya kepada anak-anak termasuk memberikan salinan awal untuk dibaca.

"Saya belum baca lagi buku itu dan seperti orang lain, saya juga tidak sabar untuk mengetahui apa yang ditulis ayah.

"Kami (anak-anak) sering mend-



KERATAN akhbar *Utusan Malaysia* semalam.

esak ayah mempercepatkan penerbitannya kerana berpendapat ramai yang ternanti-nanti rasional di sebaliknya tindakannya selama ini. Alhamdulillah, kini ia sudah terbit dan ia merupakan benda baru bagi

kami, sama seperti orang lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Buku memoir bertajuk *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad* setebal 800 muka

surat itu nyata mendapat perhatian ramai apabila lebih 1,000 naskah terjual pada hari pertama pelancrannya semalam.

Ditanya berhubung reaksi Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang tampak cepat melatah dengan memberi kenyataan kepada media propembangkang sebaik buku itu dilancarkan, Mukhriz berkata, terpolung kepada mereka untuk menafikan segala tulisan bapanya itu.

"Pada saya, ia hak ayah untuk menyentuh perkara yang diketahuinya secara terperinci. Sebelum ini, beliau tidak berpeluang menerangkan satu persatu apa yang diketahuinya.

"Dengan terbitnya buku ini, ayah boleh huraikan segalanya dan tentunya ia melibatkan pihak lain yang terasa lalu melatah. Rasanya, itu tidak

boleh dielak dan terpolung kepada mereka bagaimana untuk menidakkan apa yang didedahkan itu," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut pernah meminta ibunya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali untuk menerbitkan memoir seperti mana yang dilakukan bapanya.

"Sebenarnya ibu turut gemar rnenulis. Beliau sering kali menulis dalam buku nota mengenai kehidupan dilalui bersama ayah seperti ketika ayah di hospital, apa dilakukannya dan kebimbangannya mengenai kesihatan ayah.

"Pernah juga saya tanya tidakkah berminat menulis seperti ayah kerana sudut tulisannya mungkin berbeza selain akan mendapat sambutan seperti buku ayah tetapi sehingga kini saya masih tidak tahu jawapannya," katanya.